

Terma dan Syarat
Kempen Account Portability Fasa 2 FY2022/23

Tempoh Kempen

1. Kempen Islamic CASA Account Portability (“**Kempen**”) tertakluk kepada Terma & Syarat (“Terma dan Syarat”). **Kempen** ini bermula dari 15 Ogos 2022 hingga 31 Jan 2023 (termasuk kedua-dua tarikh) atau apabila mencapai sasaran **Kempen** yang ditetapkan (mengikut yang ditentukan oleh Maybank Islamic Berhad (“**Bank**”), yang mana lebih awal (“**Tempoh Kempen**”).

Fasa 1: 15 Ogos 2022 until 31 Oktober 2022

Fasa 2: 1 November until 31 Januari 2023

2. Dengan menyertai **Kempen** ini, **Peserta Yang Layak** (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3 di bawah) secara nyata bersetuju untuk menjadi terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh **Bank** berkenaan dengan **Kempen** adalah muktamad dan mengikat.

Kelayakan

3. **Kempen** ini adalah terbuka kepada semua pemegang-pemegang Akaun Semasa dan Akaun Simpanan yang baharu dan sedia ada. Ini termasuk individu-individu, pemegang akaun bersama dan pemegang akaun perniagaan Perusahaan Kecil Sederhana/Perbankan Perniagaan (Small Medium Enterprise & Business Banking/SMEBB/PKSPP) (selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta Yang Layak**”) yang memegang mana-mana Akaun Konvensional berikut:-

Akaun Konvensional	Akaun Patuh Syariah	
	Akaun Semasa & Akaun Simpanan Patuh Syariah*	Akaun Pelaburan Mudarabah**
Golden Savers Savings Account	N/A	Golden Savvy Account-i
Maybank2u Savers Account	Maybank2u Savers-i	N/A
Kawanku Savings Account	Savings Account-i	N/A
Yippe Account	Yippie-i Account	N/A
Basic Savings Account	Basic Savings Account-i	N/A
imteen Account	imteen-i Account	N/A
Premier 1 Account	N/A	Premier Mudarabah Account-i
Private Banking Account	N/A	Private Banking Account-i
Maybank2u Premier Account	N/A	Premier Mudarabah
Basic Current Account	Basic Current Account-i	N/A
Personal Current Account	Current Account-i	Premier Mudarabah Account-i
SME First Account	SME First Account-i	SME First Investment
Corporate Current Account	Current Account-i	Premier Mudarabah Account-i for Corporate/SME/BB

*Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**Tidak dilindungi oleh PIDM.

Terma dan Syarat
Kempen Account Portability Fasa 2 FY2022/23

Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen

Untuk Pelanggan Individu

Cabutan Hadiah Kempen

4. Untuk kelayakan menyertai Cabutan Hadiah Kempen, **Peserta Yang Layak** haruslah memenuhi kriteria-kriteria berikut: -
- a) **Peserta Yang Layak** yang bertukar dari akaun konvensional Maybank kepada Akaun Patuh Syariah Bank (“Akaun Penyertaan”) melalui Account Portability di laman sesawang Maybank2u.
 - b) Mengekalkan **Baki Akhir Bulanan (BAB)** sekurang-kurangnya RM5,000 pada 31 Januari 2023.
 - c) Untuk setiap Baki Akhir Bulanan (**BAB**) RM5,000 yang dikekalkan dalam Akaun Penyertaan, **Peserta Yang Layak** akan mendapat lima (5) penyertaan kelayakan ke dalam cabutan hadiah Kempen.

BULAN	KRITERIA	HADIAH
31 Oktober 2022	Berdasarkan kriteria di atas	50x baucar RM500 SHOPPEE
31 Januari 2023	Berdasarkan kriteria di atas	50x baucar RM500 SHOPPEE

Hadiah Jaminan Kempen

5. Untuk layak menerima Hadiah Jaminan Kempen, **Peserta Yang Layak** haruslah memenuhi kriteria-kriteria berikut: -
- a) **Peserta Yang Layak** yang bertukar dari akaun konvensional Maybank kepada Akaun Patuh Syariah Bank (“Akaun Penyertaan”) melalui Account Portability di laman sesawang Maybank2u.
 - b) Mengekalkan Baki Akhir Bulanan (**BAB**) sekurang-kurangnya RM10,000 pada setiap hujung bulan.

Fasa 1

BULAN	KRITERIA	HADIAH
Ogos 2022	150 peserta pertama yang menukar akaun atas talian	500x RM50 wang tunai
September 2022	150 peserta pertama yang menukar akaun atas talian	
Oktober 2022	200 peserta pertama yang menukar akaun atas talian	

Terma dan Syarat
Kempen Account Portability Fasa 2 FY2022/23

Fasa 2

BULAN	KRITERIA	HADIAH
November 2022	150 peserta pertama yang menukar akaun atas talian	500x RM50 wang tunai
Disember 2022	150 peserta pertama yang menukar akaun atas talian	
Januari 2023	200 peserta pertama yang menukar akaun atas talian	

6. Account Portability ialah penukaran Akaun Semasa/Simpanan Konvensional yang sedia ada kepada akaun Semasa/Simpanan patuh Shariah secara atas talian melalui laman sesawang Maybank2u.

Untuk Pelanggan PKSP/SMEBB


7. Untuk menjadi layak bagi menyertai Cabutan Hadiah Kempen, **Peserta Yang Layak** haruslah memenuhi kriteria-kriteria berikut: -
- a) **Peserta Yang Layak** yang bertukar dari akaun konvensional Maybank kepada Akaun Patuh Shariah Bank (“Akaun Penyertaan”) melalui Account Portability di laman sesawang Maybank2u.
 - b) Mengekalkan **Baki Akhir Bulanan (BAB)** seperti berikut pada setiap hujung bulan.

KATEGORI	KRITERIA	HADIAH
Perusahaan Kecil Sederhana (PKS/SME)	BAB sebanyak RM50,000	40x wang tunai RM1,000
Perbankan Perniagaan (PP/BB)	BAB sebanyak RM100,000	20x wang tunai RM1,000

- c) Bagi setiap **BAB** yang mengikut kriteria dikekalkan dalam **Akaun Penyertaan**, **Peserta Yang Layak** akan memperolehi lima (5) penyertaan kelayakan untuk Cabutan Hadiah Kempen.

Terma dan Syarat
Kempen Account Portability Fasa 2 FY2022/23

8. Selain melalui atas-kaunter, peserta PKSP/SMEBB boleh meminta untuk bertukar kepada Akaun Patuh Syariah melalui e-mel mengikut proses langkah di bawah:



Terma dan Syarat
Kempen Account Portability Fasa 2 FY2022/23

9. **Baki Akhir Bulanan (BAB)** adalah seperti berikut:.

BAB = Baki Akhir pada hujung bulan yang tertentu.

10. Sekiranya pemegang akaun telah diberi ganjaran untuk kempen-kempen akaun deposit/pelaburan **Bank** atau Malayan Banking Berhad (“**Maybank**”) yang berjalan pada masa serentak, atau untuk Cabutan Hadiah bulanan Zest-i sepanjang **Tempoh Kempen**, pemegang akaun tersebut akan dikecualikan daripada kumpulan **Peserta Yang Layak** untuk Cabutan hadiah kempen.
11. Pemenang cabutan hadiah kempen akan dipilih daripada kumpulan **Peserta Yang Layak** melalui program rawak Kumpulan Maybank pada hujung **Tempoh Kempen** (“**Pemenang**”).

Hadiah Kempen

12. Sepanjang keseluruhan **Kempen**, setiap **Peserta Yang Layak** hanya layak mendapat satu (1) hadiah Cabutan Hadiah Kempen dan satu (1) Hadiah Terjamin Kempen sahaja.
13. Pengedaran Hadiah
- a. **Pemenang** mesti mempunyai nombor telefon bimbit dan alamat e-mel yang sah yang didaftarkan dengan **Bank** untuk dihubungi bagi pemberian Hadiah.
 - b. **Peserta Yang Layak** yang ingin menerima pemberitahuan kemenangan melalui peti masuk Maybank2u mereka, dan pemberitahuan tolak pada aplikasi Maybank2u, mesti berdaftar di Maybank2u dan menjadi pengguna yang aktif dalam aplikasi Maybank2u.
 - c. **Bank** berhak untuk menggantikan Hadiah (nilai yang akan ditentukan oleh **Bank**) atas apa-apa sebab yang dianggap wajar oleh **Bank**. **Bank** akan memberitahu Pemenang melalui sebarang cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh **Bank**.
 - d. Hadiah untuk **Kempen** akan diedarkan dalam tempoh masa tiga (3) bulan selepas pemilihan **Pemenang** telah selesai.
 - e. **Pemenang** bertanggungjawab untuk memastikan bahawa alamat surat-menyurat dan butiran berkaitan **Pemenang** yang diberikan dan disimpan dalam rekod **Bank** adalah terkini dan telah dikemas kini..
 - f. Hadiah diberikan secara sedia ada (‘as is’ basis) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan mana-mana Hadiah yang tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas pemberitahuan akan dibatalkan.
 - g. Setelah Hadiah diedarkan, **Bank** tidak akan menjadi bertanggungjawab terhadap penggunaan Hadiah.
14. Pemenang-pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain apabila diperlukan dan Pemenang bersetuju dengan sebarang pendedahan yang sama dalam apa jua cara yang ditentukan oleh **Bank**. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain boleh menyebabkan pembatalan Hadiah.

Terma dan Syarat
Kempen Account Portability Fasa 2 FY2022/23

Lain-lain

15. **Peserta Yang Layak** yang menutup akaunnya sebelum pemilihan pemenang selesai dan dimaklumkan akan terbatal kelayakannya menerima sebarang Hadiah di bawah **Kempen**.
16. Hanya Akaun Penyertaan yang aktif sahaja layak untuk menyertai Kempen. Akaun Penyertaan yang berada dalam status tidak aktif tidak layak untuk menyertai kempen.
17. Keputusan **Bank** mengenai segala perkara yang berkaitan dengan **Kempen** adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.
18. Sebarang gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan, promosi dan bahan publisiti lain yang berkaitan dengan **Kempen** adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menunjukkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah.
19. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (yang mana berkenaan) mesti diselesaikan secara terus oleh Pemenang dengan peniaga/pembekal tanpa mengakibatkan **Bank**. **Bank** tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah atau sebarang pelanggaran terhadap terma dan syarat.
20. Semua **Peserta Yang Layak** bertanggungjawab atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa fi lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka, di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada.
21. Jika terdapat sebarang pertikaian (kecuali pertikaian dalam klausa 19 di atas) atau tidak menerima Hadiah, pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688, dalam tempoh masa tiga (3) bulan selepas pemberitahuan kepada Pemenang telah dibuat. Permintaan luar tempoh masa tersebut tidak akan dilayan.

Terma dan Syarat Umum

22. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh **Bank**.
23. **Bank** berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan **Kempen** ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari ("hari" mempunyai maksud sama dengan hari kalendar). Pemberitahuan berkenaan akan disiarkan melalui laman sesawang Maybank2u (www.maybank2u.com.my) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh **Bank**. **Peserta Yang Layak** bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
24. Dengan menyertai **Kempen** ini, **Peserta Yang Layak** bersetuju untuk melayari laman sesawang Maybank2u (www.maybank2u.com.my) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari **Bank** sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak dapat difahami sepenuhnya.

Terma dan Syarat
Kempen Account Portability Fasa 2 FY2022/23

25. Dengan menyertai **Kempen** ini, **Peserta Yang Layak** bersetuju untuk menjadi terikat dengan terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada **Bank** untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Penyata Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di www.maybank2u.com.my (“Penyata Privasi Kumpulan Maybank”) dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyata Privasi Kumpulan Maybank dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, **Peserta Yang Layak** bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

- i) tujuan **Kempen** ini; dan
 - ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh **Bank**, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, **Peserta Yang Layak** bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh **Bank** yang berkaitan dengan **Kempen** ini.
26. **Bank** dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan **Kempen** ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan **Kempen** ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh **Bank**.
27. **Bank** tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan **Kempen** ini disebabkan oleh kejadian sifat ‘force majeure’, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan ‘act of God’, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik, atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah **Bank**.
28. **Bank** berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu **Kempen** ini dan/atau proses atau operasi **Kempen** ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan **Kempen** ini.
29. Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
30. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai **Kempen** ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, **Peserta Yang Layak** boleh menghantar emel kepada **Bank** melalui borang maklumbalas di laman sesawang Maybank2u (www.maybank2u.com.my).